



Kakitangan akademik dan bukan akademik UKM yang hadir **pada Program Penjelajahan IPT, baru-baru ini.**

Jelajah IPT beri pemahaman kepada warga kampus

Bangi: Warga kampus khususnya pelajar kini mendapat penjelasan lebih mendalam mengenai isu semasa dan dasar kerajaan menerusi Program Jelajah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi.

Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Pejabat Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail, berkata program itu bertujuan memberi pendedahan dan penerangan serta berkongsi idea dengan pelajar serta



Datuk Shahlan Ismail

kakitangan universiti mengenai isu semasa dan hal berkaitan falsafah negara serta dasar kerajaan.

“Setakat ini kami sudah menjelajah ke sembilan IPT seluruh negara dan maklum

balas yang diterima sangat baik. Banyak persoalan yang diterima daripada warga kampus mengenai dasar kerajaan serta isu yang sering dimainkan di media sosial.

Perkara sebenar

“Sesi penerangan seperti ini sebenarnya banyak membantu menyampaikan perkara sebenar yang berlaku terutama memabitkan isu semasa yang sering diviralkan dengan perkara negatif,” katanya ketika ditemui selepas sesi penerangan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.

Katanya, sesi penerangan seperti ini dapat membetulkan tanggapan negatif masyarakat terutama golongan intelek mengenai isu dan sebarang polisi kerajaan.